



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 21 MAC 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|----------------------------------|--|--------------------------------------|
| 1. | TERNAKAN: BARANGAN KES LEBIH RM500,000 DIRAMPAS, DALAM NEGERI, UM -30 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 2. 3. | AGROBANK PERUNTUK RM240,000 TERAP ILMU PERTANIAN PADA PELAJAR, NASIONAL, SH -19 AGROBANK PERLUAS PERKHIDMATAN BANK BERGERAK KE KELANTAN, EKONOMI, UM -37 | AGROBANK |
| 4. 5. 6. 7. 8. 9. | HASIL PADI TERENGGANU BEKAL 60 PERATUS KEPERLUAN PENDUDUK, DALAM NEGERI, UM -30 PERTANIAN RUGI RM35.5 JUTA, 4,862 PETANI TERJEJAS, DALAM NEGERI, UM -33 4,862 PETANI TERJEJAS, RUGI RM35.5 JUTA, NEGARA, KOSMO -12 PROJEK RUMAH HIJAU HIDROPONIK HASILKAN 100kg SAYURAN, NEGARA, KOSMO -18 HARGA BARANGAN SUDAH MULA NAIK, LOKAL, HM -7 RAYA WORRIES OVER EGG, CHICKEN, VEG PRICES, NATION, THE STAR -6 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

21/8/2023

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

30

Hasil padi Terengganu bekal 60 peratus keperluan penduduk

Oleh Zaid Mohd. Noor
zaid.noor@mediamalika.com.my

KUALA NERUS: Hasil tanaman padi di kawasan seluas 12,000 hektar di Terengganu masih tinggi dan dapat menampung keperluan 60 peratus tahap saia diri penduduk di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr. Azman Ibrahim berkata, pencapaian tersebut berikutan pengeluaran padi di negeri ini mencatat purata 5.2 metrik tan sehektar.

Katanya, pencapaian tersebut meletakkan negeri ini berada di tempat kedua selepas Kawasan Pertanian Bersepadu (IADA) Pulau Pinang dengan pengeluaran yang dihasilkan 5.6 tan metrik sehektar.

Katanya, walaupun kebanyakan kawasan sawah di negeri ini ditinggalkan dua kali setahun disebabkan ancaman banjir pada musim Monsun Timur Laut, keseluruhan hasil keluaran padi di negeri ini adalah tinggi.

"Antara kawasan sawah yang



SEBUAH jentera memindahkan hasil padi yang dituai ke dalam sebuah lori di Kampung Maras, Kuala Nerus, Terengganu. — UTUSAN/PUCTRA HARRY ROSLI

ditanam padi dua kali setahun adalah Skim Paya Padi Dadang, Skim Paya Paman di Kemaman dan Skim Durian Mentangau di Dungun," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Dalam pada itu, Azman berkata, hasil pengeluaran padi di negeri ini menunjukkan peningkatan sejak 2019.

"Sebanyak 71,382 tan metrik hasil pengeluaran padi dicatatkan pada 2019, 73,068 tan metrik (2020) dan 75,913 tan metrik

(2021).

"Angka rasmi jumlah pengeluaran padi tahun 2022 belum dikeluarkan namun dijangka sedikit berkurangan berikutan bencana banjir besar pada Februari tahun lalu," ujarnya.

Temakan: Barangan kes lebih RM500,000 dirampas

HULU TERENGGANU: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu merampas barangan kes bernilai lebih RM500,000 membabitkan pelbagai kesalihan berkaitan haiwan ternakan sepanjang tahun lalu.

Pengarah JPV negeri, Dr. Anus Man berkata, jumlah rampasan itu melibatkan 16 kes kesalihan pemindahan ternakan,

enam kes kawalan penyembelihan dan empat kes membabitkan kebajikan haiwan.

"Nilai keseluruhan barangan kes yang dirampas bernilai RM552,210. Barangan dirampas termasuk haiwan ternakan, daging lembu serta pelbagai jenis kenderaan seperti triler, lori dan motosikal.

"Baga haiwan ternakan, seba-

nyak 162 ekor kambing bernilai RM63,540, lembu 94 ekor bernilai RM173,670 dan kerbau bernilai RM2,000 dirampas. Tular dirampas ialah daging lembu sebesar 518 kilogram (kg) bernilai RM17,890.

"Rampasan membabitkan kawasan seperti sebuah triler yang bernilai RM95,000, 10 buah lori bernilai RM200,000, masing-ma-

sing sebuah pacuan empat roda (RM10,000) motosikal (RM3,000) dan kereta bernilai (RM3,000)," katanya selepas Program Tanggjawab Sosial Korporat (CSR) Ternakan Padang Ragut Rakyat JPV di Kampung Durian Kassim, Ajil, di sini, semalam.

Dr. Anus berharap penitirak mematuhi peraturan ditetapkan dalam proses mendapatkan per-

mit pergerakan pindah ternakan sama ada dari daerah ke daerah mahupun negeri ke negeri.

Katanya, ternakan tidak berdaftar dengan jabatan tidak diberi permit perpindahan kerana melalui pengeluaran per-

mit pihaknya dapat mengawal dan mengetahui punca sekiranya mana-mana ternakan itu mempunyai penyakit.

21/8/2023

SINAR
HARIAN

NASIONAL

19

Agrobank peruntuk RM240,000 terap ilmu pertanian pada pelajar

SHAH ALAM - Agrobank menerusi Program Rakan Tani Muda Agrobank memperuntukkan RM240,000 kepada 80 buah sekolah masing-masing menerima RM3,000 sebagai usaha menerap dan menyemat ilmu pertanian dalam kalangan pelajar.

Presiden yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, program berkonsepkan pendidikan pertanian itu bagi menyokong usaha dijalankan oleh pelajar, guru serta pihak pengurusan sekolah.

"Bagi menggalakkan lagi penglibatan murid dalam bidang pertanian di sekolah maka Pertandingan Rakan Tani Muda Agrobank digarap untuk mempergiatkan lagi aktiviti pertanian dan perkebunan di sekolah-sekolah rendah di seluruh negara," katanya dalam satu kenyataan.

Menurut beliau, inisiatif berkenaan adalah selaras dengan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 apabila Agrobank mempersiapkan generasi muda sebagai pelapis dalam mendepani cabaran industri agro selain sebagai pemangkin keterampilan makanan negara.



Tengku Ahmad Badli Shah (tengah) bersama Ketua Penolong Pengarah Kanan (Sektor Kurikulum TVEI) Bahagian Pendidikan dan Latihan Vokasional Kementerian Pendidikan, Hafidzah Omar (dua dari kanan) melancarkan Program Rakan Tani Muda Agrobank semasa majlis Malam Apresiasi Media Agrobank pada Jumaat.

Ujarnya, pertandingan Rakan Tani Muda Agrobank akan berlangsung selama empat bulan.

Program yang dijangka bermula pada Jun depan itu melibatkan 80 buah sekolah empat organisasi media telah menerima

anugerah atas sumbangan dan sokongan terhadap Agrobank menerusi liputan berita terbanyak sepanjang tahun 2022 pada majlis Malam Apresiasi Media Agrobank.

Lima wartawan terbaik yang menerima Anugerah Sidekick Salute Agrobank ialah Norshahzura Mat Zuki daripada *Sinar Harian*; Hazwan Faisal Mohamad (*Berita Harian*); Juani Munir Abu Bakar (*Utusan Malaysia*); Noorazura Abdul Rahman (*Harian Metro*) dan Azanis Shahila Aman (*New Straits Times*).

Katanya, setiap penerima anugerah berkenaan membawa pulang wang tunai RM500, plak kemenangan dan sijil penghargaan.

Selain itu, empat organisasi media yang menerima Anugerah Spotlight Agrobank adalah *Harian Metro* bagi kategori Media Bahasa Melayu Terbaik; *The Star* (Media Bahasa Inggeris Terbaik); RTM (Media TV & Radio Terbaik) dan *Berita Harian* (Media Dalam Talian Terbaik).

Bagi anugerah tersebut, masing-masing membawa pulang wang tunai RM1,000, plak kemenangan dan sijil penghargaan.

21/8/2023

UTUSAN
MALAYSIA

EKONOMI

37



TENGGU Ahmad Badli Shah Hussin (dua kiri) menyerahkan zakat perniagaan Agrobank kepada Tengku Anis (tengah) di Jeli, Kelantan, kelmarin.

Agrobank perluas perkhidmatan bank bergerak ke Kelantan

PETALING JAYA: Agrobank memperluaskan perkhidmatan bank bergeraknya ke lapan mukim di Kelantan dengan fokus untuk menyediakan akses perbankan asas demi kemudahan komuniti pertanian luar bandar di negeri itu.

Mukim terbabit ialah Bertam di Gua Musang, Batu Melintang dan Kuala Balah (Jeli); Dabong dan Olak Jeram (Kuala Krai) dan Badang serta Peringat (Kota Bharu).

Presiden/ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, inisiatif bank bergerak menyasar menyediakan perkhidmatan perbankan utama dan kesedaran kepada masyarakat luar bandar untuk menjadi komuniti mesra dengan perkhidmatan per-

bankan moden.

Katanya, ia bersesuaian dengan keperluan harian mereka di samping menambah baik taraf sosio-ekonomi mereka.

"Perkhidmatan bank bergerak di Kelantan ini akan menyediakan asas perkhidmatan perbankan asas seperti mende-post, pengeluaran, khidmat nasihat bagi perbankan secara dalam talian dan lain-lain perkhidmatan," katanya selepas majlis pelancaran perkhidmatan itu di Jeli, kelmarin.

Majlis pelancaran disempurnakan oleh Raja Perempuan, Tengku Anis Tengku Abdul Hamid di Taman Rekreasi Cahaya Iman, Lata Renyuk, Jeli. Turut hadir, Ketua Setiausaha Kement-

terian Pertanian dan Keterjaminan Malanan, Datuk Lokman Hakim Ali dan Ketua Pegawai Pembangunan Agrobank, Aminuddin Amenon.

Pada majlis itu, Agrobank turut menyerahkan sumbangan zakat sebanyak RM10,000 kepada asnaf Jeli.

Tengku Ahmad Badli Shah berkata, perkhidmatan bank bergerak merupakan sebahagian daripada komitmen berterusan Agrobank bagi membantu golongan yang kurang mendapat perhatian agar turut menikmati akses kepada kemudahan perbankan dengan tidak lagi perlu menempuhi perjalanan jauh untuk ke cawangan bagi menjalankan urusan niaga perbankan mereka.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|--------------------|-----------------|------------|
| 21/3/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 33 |

Pertanian rugi RM35.5 juta, 4,862 petani terjejas

JOHOR BAHRU: Sektor pertanian di negeri ini mengalami kerugian lebih RM35.5 juta akibat banjir yang berlaku sejak awal bulan lalu di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar negeri, Datuk Zahari Sarip berkata, kerugian itu melibatkan 4,862 petani dan meminta mereka menyediakan bukti dan membuat permohonan bagi mendapatkan bantuan dengan segera.

“Hingga hari ini, seramai 4,862 pengusaha industri asas tani yang terjejas dengan kerugian RM35,524,600. Jumlah ini melibatkan sektor pertanian,

veterinar, perikanan dan industri asas tani.

“Tetapi jumlah kerugian ini belum mengambil kira keseluruhan Batu Pahat kerana ada kawasan masih terjejas akibat banjir, namun ada beberapa kawasan telah dinilai. Ini termasuk daerah Segamat dan Muar,” katanya di sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) di Kota Iskandar, di sini semalam.

Zahari memberitahu, kerajaan negeri komited untuk memastikan semua pengusaha yang terjejas akibat banjir mendapat bantuan sewajarnya, termasuk dengan mengurangkan karenah birokrasi.

21/3/2023

KOSMO

NEGARA

12

Kerajaan Johor minta mangsa segera mohon bantuan, krenah birokrasi dikurangkan 4,862 petani terjejas, rugi RM35.5 juta



**SIDANG
DUN
JOHOR**

Oleh **KHAIRUL MOHD ALI**

JOHOR BAHRU – Sektor pertanian di negeri ini mengalami kerugian berjumlah lebih RM35.5 juta akibat bencana banjir yang berlaku sejak awal bulan lalu di negeri ini melibatkan seramai 4,862 petani.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Johor, Datuk Zahari Sarip berkata, jumlah kerugian itu melibatkan sektor pertanian, veterinar, perikanan dan industri asas tani.

"Tetapi jumlah kerugian ini belum mengambil kira keseluruhan Batu Pahat kerana ada kawasan



KEADAAN banjir yang berlaku di kawasan kampung di sekitar Segamat pada awal Mac lalu.

masih terjejas akibat banjir, namun ada beberapa kawasan telah dimilai.

"Ini termasuk daerah Segamat dan Muar," katanya kepada pemberita selepas sidang De-

wan Undangan Negeri (DUN) Johor ke-15 di Kota Iskandar di sini semalam.

Zahari memberitahu, kerajaan negeri komited untuk memastikan kesemua pengusaha yang

terjejas akibat banjir mendapat bantuan, termasuk mengurangkan kerehah birokrasi.

"Mangsa diminta membuat laporan dan mohon bantuan segera, sekarang adalah waktu

terbaik berbuat demikian dengan turut menyertakan bukti bergambar dan laporan polis.

"Kita bimbang jika tunggu selepas Aidilfitri, permohonan akan menjadi sukar kerana ketika itu keadaan mungkin sudah semakin pulih. Jadi untuk mengelakkan pihak tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan, lakukan segera.

"Kita akan usahakan dalam tempoh 30 hari untuk selesai masalah, bantuan diberi akan bergantung kepada kerosakan dan keperluan mangsa," ujarnya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan Johor, Ling Tian Soon berkata, kerajaan negeri turut menyediakan sokongan perkhidmatan kesihatan mental kepada mangsa banjir khususnya di kawasan terjejas teruk.

Katanya, perkhidmatan itu ditawarkan pasukan sokongan kesihatan mental dan psikososial Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ).

Projek Rumah Hijau Hidroponik hasilkan 100kg sayuran



MOHD, YUSOF (empat dari kanan) bergambar bersama penduduk yang terlibat dalam projek Rumah Hijau Hidroponik di Johor Bahru semalam.

JOHOR BAHRU – Projek Rumah Hijau Hidroponik di Perjiranan 10, Bandar Dato' Onn di sini yang diwujudkan Johor Corporation (JCorp) berjaya menghasilkan lebih 100 kilogram (kg) sayuran hijau sejak beroperasi pada 2021.

Menurut Pengerusi Yayasan JCorp, Rozaini Mohd. Sani, projek yang digerakkan menerusi Yayasan JCorp dan Johor Land Berhad (JLand) itu secara tidak langsung memperkasa peranan komuniti untuk pembangunan dan kesejahteraan masyarakat.

Katanya, usaha kolektif antara Yayasan JCorp, JLand, pihak berkuasa tempatan (PBT)

dan jawatankuasa komuniti itu mampu mewujudkan interaksi sosial aktif, di samping mendukung agenda kerajaan dalam menyediakan keterjaminan makanan di komuniti setempat dan mengekalkan kelestarian alam.

"Projek yang mula dibina sejak 2021 dengan keluasan 65 meter persegi ini dilengkapi sistem IoT (*Internet of Things*), yang mana lebih 800 tanaman sayur-sayuran berdaun hijau dapat dikawal secara online.

"Kami harap inisiatif mewujudkan projek rumah hijau hidroponik ini dapat merencanakan lagi aktiviti pertanian

bandar," katanya pada majlis Penyerahan Rumah Hijau Hidroponik kepada Persatuan Penduduk Perjiranan 10, Bandar Dato' Onn yang disempurnakan Pengarah Eksekutif JLand, Mohd. Yusof Ahmad di sini semalam.

Program komuniti itu antara program utama Yayasan JCorp yang diberi penekanan di bawah bidang fokus kesejahteraan komuniti dan alam sekitar.

Kata Rozaini, ia selari dengan misi Yayasan JCorp dalam memperkasa kualiti hidup dan memperkukuh agenda alam sekitar, sosial dan tadbir urus JCorp dan syarikat Kumpulan.



HARGA ayam proses standard menurun RM9.40 sekilogram berbanding minggu lalu RM9.70 sekilogram.

MENJELANG RAMADAN

Harga barangan sudah mula naik

Oleh Suraya Roslan
surayaroslan@metromedia.com.my

Kuala Lumpur

Menjelang tiga hari umat Islam menyambut Ramadan, beberapa barangan keperluan utama berlaku peningkatan harga berbanding minggu lalu.

Tinjauan Harian Metro di beberapa pasar raya di sekitar ibu kota semalam mendapati, harga ayam hidup meningkat iaitu RM8.69 satu kilogram berbanding RM8.40 minggu lalu manakala ayam proses standard menurun semalam kepada RM9.40 sekilogram berbanding minggu lalu RM9.70 sekilogram.

Selain itu, bawang besar kuning naik 10 sen iaitu RM4.50 sekilogram berbanding RM4.40 minggu lalu manakala bawang merah import kekal harga sama RM6 sekilogram.

Peniaga di Pasar Chow Kit dikenali sebagai Kwan berkata, berlaku sedikit kenaikan harga ayam proses berbanding minggu lalu.

"Bagaimanapun, ayam hidup masih kekal harga sama dan perbezaan harga hanya 20 sen hingga 30 sen saja. "Kebanyakan masyarakat Islam sudah memenuhi keperluan untuk mendapatkan keperluan barangan mentah

bermula awal minggu ini," katanya.

Selain itu, hasil tinjauan juga mendapati telur ayam gred A kekal harga RM0.45 sen sebiji manakala bagi gred B RM0.43 biji. Gred C pula RM0.41 sebiji.

Bagi pembekal, Jamaidah Ahmad, 50, berkata, kebanyakan barangan mentah naik sedikit sekitar 20 sen hingga 30 sen berbanding minggu lalu.

"Contohnya, harga santan biasa RM5.80 minggu lalu, namun hari ini naik RM6 dan begitu juga dengan ayam," katanya yang juga surti rumah.

Bagi surti rumah, Asmah Hamzah, 40, berkata, dia yang selalu membeli barangan mentah setiap minggu dapat merasakan perbezaan harga.

"Minggu ini kebanyakan barangan naik sedikit berbanding minggu lalu, mungkin kerana menjelang Ramadan.

"Contohnya, kubis bulat minggu lalu berharga RM4 tetapi minggu ini naik RM1 kepada RM5.

"Begitu juga dengan daging cili hijau, minggu lepas berharga RM10 sekilogram manakala minggu ini berharga RM11.99," katanya.

Tinjauan juga mendapati, tiada kenaikan harga barangan kawalan seperti minyak serta tepung dan kekal dengan harga sama.

"Minggu ini kebanyakan barangan naik sedikit"
Asmah

Raya worries over egg, chicken, veg prices

By R. SEKARAN
rsekaran@thestar.com.my

GEORGE TOWN: Although the supply of eggs at markets and retail stores in Penang has stabilised, several traders fear there could be a shortage when Ramadan begins in the middle of this week, followed by Hari Raya Aidilfitri a month later.

Egg trader Mars Lau, 30, said he had been getting 60 trays of egg compared with 30 trays some three to four months ago.

The supply is a far cry from last year, when he used to get 100 trays daily before the number dwindled to 30 trays late last year. Each tray has 30 eggs.

"Although the egg supply has improved lately, I foresee it may not be sufficient for the festive season.

"For now, there is ample supply, but with demand expected to surge closer to Hari Raya, the existing supply may not be able to cope with the increasing demand," said Lau, who has three stalls selling eggs at the Ayer Itam wet market.

At the Bandar Baru Ayer Itam wet market, egg trader Elaine Tan, 50, said she hoped there would be sufficient supply during the festive season.

She said although shortages were no longer as severe as before, her concern was that the price had seen a steady increase over the last few months.

"I am the only one selling eggs in this market now, as three others closed shop during the period when there was an egg shortage.



Good supply: Lau showing the eggs at his stall at the Ayer Itam wet market in Penang. — ZHAFARAN NASIB/The Star

"I have maintained the same prices from the time when there was a shortage until now," said Tan, who sells kampung eggs at 70 sen each, grade AAA at 66 sen, grade AA at 62 sen and D (the smallest) at 48 sen.

Meanwhile, prices for vegetables have soared and are expected to increase further with the approach of Ramadan.

The price of beans has increased to RM5 from RM4 per kg, while other greens that have seen an increase were okra (RM11 to RM15 per kg), cucumber (RM4 to RM6 per kg), cabbage (RM8 to RM11 per kg).

and tomatoes (RM8 to RM11 per kg). Vegetable seller Thiruselvi Kanesam, 47, said although no shortage had been reported, there was a steady price increase of at least 30% for certain vegetables over the past few months.

"There are fewer customers visiting my stall as they are looking into how best to save on their expenses," added Thiruselvi.

Prices for chicken differ in certain markets, with one selling at RM9.40 per kg at Ayer Itam market, while two other traders in Bandar Baru Ayer Itam have been selling at RM10 and RM12 per kg.



Trader K. Ramesh, 56, who has been selling chickens for almost 20 years, said his RM12 per kg price was reasonable, as chickens nowadays are not transported directly from the farm.

"We are paying a higher cost as processed chickens are now transported to a centralised distribution centre on Penang island, before being distributed to traders.

"I get 400 chickens on weekdays and 500 during weekends. I would have sold the chicken for RM10 per kg if I could get it directly from the farm," he said.

Under the regulations of the Penang Island City Council, only processed chickens can be brought to wet markets, and traders have to store them in large freezers.

Hajamubarakali Mohd Hamippa, 61, sells about 180 chickens a day at RM10 per kg.

"As you can see, prices vary because the processed chickens sold by the middleman is not fixed.

"It could be very much higher during the festive season," he said.